

Tim. PM diberi kuchi B-raya Pattaya

PATTAYA, Ahad — Datuk Musa Hitam hari ini merupakan rakyat Malaysia pertama diberi kunci Bandaraya Pattaya.

Penganugerahan yang membuat Timbalan Perdana Menteri, seorang "free man" dilakukan oleh Datuk Bandaraya Pattaya, Anusale Rodboomes setibanya Datuk Musa di Hotel Montien di mana perwakilan Malaysia menginap.

Pattaya yang terletak kira-kira 150 km dari Bangkok ialah pusat pelancongan utama negeri Thai.

Datuk Musa dan isterinya, Datin Maria dikalungkan oleh gadis-gadis Thai yang memakai pakaian tradisional setiba mereka di hotel.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2760